



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	7/9/2019	MUKA SURAT	: 75
JABATAN	:	KATS / YBM / SPAN / IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

PD perintis gabung bil air, pembetulan

Cadangan dikemukakan kepada kerajaan negeri dalam masa terdekat

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Port Dickson: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bercadang menjadikan Port Dickson (PD) sebagai perintis projek penggabungan bil air dan pembetulan di negeri ini.

Menterinya, Dr Xavier Jayakumar, berkata cadangan itu akan dikemukakan kepada kerajaan negeri dalam masa terdekat dalam usaha menangani isu tunggakan bayaran bil pembetulan oleh pengguna.

Katanya, penggabungan bil berkenaan dijangka mampu meningkatkan semula hasil kutipan bil pembetulan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"Port Dickson boleh jadi sebagai projek perintis untuk penggabungan kedua-dua bil ini. Cadangan akan dibincang bersama kerajaan negeri kerana hanya mereka yang boleh luluskan kaedah pembayaran ini.

"Saya beri jaminan tiada kenaikan tarif air atau pembetulan, hanya jumlah bil dicanumkan. Buat masa ini, bayaran kedua-dua bil ini dibuat secara berasingan.

"Kaedah ini hanya dilaksanakan di Labuan dan kita boleh lihat keberkesannya apabila



Xavier melihat air selepas dirawat pada lawatan kerja ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Port Dickson, semalam. (Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

bayaran kedua-dua bil dapat dikutip dengan lebih berkesan," katanya pada sesi lawatan kerja ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Sunggala, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Zunirah Pawanteh; Pengerusi IWK, Amiruddin Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Narendran Maniam.

Mengulas lanjut, Dr Xavier ber-

kata, sekiranya kaedah itu berjaya dilaksanakan di Port Dickson, kerajaan pertimbang untuk meluaskan kaedah pembayaran bil itu di seluruh negara.

Sementara itu, beliau menggesa semua premis komersial dan hotel di daerah itu untuk membuat sambungan kepada sistem pembetulan awam supaya air kumbahan dapat dirawat dengan berkesan dan tidak menyebabkan pencemaran sungai atau pantai.

"Terdapat dua loji rawatan

IWK di Bandar Port Dickson dan Sunggala yang mampu menampung 210,000 kapasiti pengguna dan hanya seperuh daripada kapasiti itu digunakan setakat ini.

"Cadangan di Port Dickson adalah menjadikan ia sebagai kawasan contoh di Negeri Sembilan. Saya minta kerjasama kerajaan negeri untuk pastikan semua premis termasuk hotel, pusat komersial dan kediaman mempunyai sambungan kepada loji rawatan IWK," katanya.